



SIARAN MEDIA  
JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN

**Penyerahan Rumah Baiti Jannati Tanggungjawab Bersama Demi Kesejahteraan Rakyat**

Program Baiti Jannati @ Wilayah Persekutuan menjadi komitmen berterusan dalam memperkukuh agenda kesejahteraan rakyat. Program ini bertujuan menyediakan pemilikan kediaman yang selesa, kondusif, dan berkualiti kepada golongan sasaran termasuk B40, ibu tunggal, Orang Kurang Upaya (OKU), asnaf, serta fakir miskin. Ini merupakan bukti nyata keprihatinan Kerajaan MADANI dalam meningkatkan taraf hidup rakyat secara inklusif dan mampan.

Melalui kolaborasi strategik antara JWP, DBKL, MAIWP, dan TNB, membolehkan penyewa semasa di Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) memiliki kediaman sendiri yang telah dibaik pulih bagi memastikan kualiti hidup yang lebih baik.

Bagi tahun 2026, sebanyak 20 unit rumah PPR/PA di bawah seliaan DBKL telah disediakan melalui pembiayaan TNB yang melibatkan tujuh kawasan Parlimen di Wilayah Persekutuan. Empat (4) penerima masing-masing di Parlimen Bandar Tun Razak, Batu, dan Setiawangsa, tiga (3) penerima di Parlimen Cheras, Dua (2) penerima masing-masing di Parlimen Lembah Pantai dan Bukit Bintang, dan seorang (1) penerima dari Parlimen Wangsa Maju. Pembiayaan ini disalurkan menerusi dana wakalah zakat bagi penerima beragama Islam melalui Projek Baiti Jannati (PBJ) dan peruntukan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) bagi penerima bukan Islam menerusi Projek Mesra Rakyat (PMR).

Sehingga tahun 2025, TNB telah membelanjakan lebih RM69 juta bagi menyediakan 997 unit rumah dari Projek Baiti Jannati (PBJ) di seluruh negara. Sejak 2016, sebanyak 161 unit rumah bernilai RM8.19 juta telah diserahkan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur melalui kerjasama erat dengan DBKL. Calon penerima dipilih berdasarkan data e-Kasih dan tapisan pelbagai agensi termasuk MAIWP bagi memastikan bantuan sampai kepada golongan miskin tegar yang benar-benar memerlukan.

Secara keseluruhannya, sebanyak 347 unit rumah telah berjaya diserahkan di bawah program ini, mencerminkan sinergi ampuh antara sektor awam dan korporat. Kerajaan akan terus memperkasakan inisiatif kebajikan lain seperti Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dan pembangunan Residensi MADANI bagi memastikan tiada rakyat yang terpinggir daripada arus pembangunan negara kerana kediaman yang selesa adalah teras kepada kestabilan keluarga dan mobiliti sosial.

\*\*\*

Disediakan oleh:  
JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN  
23 April 2026

